

04/03/2002

Bekas timbalan menteri meninggal

KUALA LUMPUR, Ahad - Bekas Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Raja Ariffin Raja Sulaiman, 61, meninggal dunia di Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM), Petaling Jaya, pada jam 3 petang ini.

Allahyarham menghembuskan nafas terakhir selepas enam minggu dimasukkan ke PPUM berikutan kegagalan jantung berfungsi.

Raja Ariffin meninggalkan seorang balu, Datin Noorhayati Kamaluddin, 51, dan enam anak serta seorang cucu.

Bekas Ahli Parlimen Baling itu akan dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Bukit Kiara, dekat sini, jam 10 pagi esok.

Antara orang kenamaan yang memberikan penghormatan terakhir di kediamannya di Damansara Heights ialah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

(END)